

# SIARAN MEDIA

*Untuk Siaran Segera*

## BANK ISLAM MEMPERLUAS CAKUPAN KEWANGAN SOSIAL

Menyediakan Hab Usahawan iTEKAD dengan kerjasama institusi pengajian tinggi

**KUCHING, SARAWAK, Isnin, [18 November 2024]:** Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam atau Bank) hari ini mengumumkan pelancaran Hab Usahawan iTEKAD baharu di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Sarawak yang berperanan sebagai pusat sehenti latihan dan bimbingan untuk usahawan mikro tempatan, khasnya golongan B40 dan asnaf. Ia merupakan hab ketiga selepas pembukaan hab di Kolej Universiti Bestari (UCB) di Setiu, Terengganu dan Institut Penyelidikan dan Pengurusan Kemiskinan (InsPeK), Universiti Malaysia Kelantan (UMK), masing-masing pada 5 Ogos dan 11 November 2024.

Pelancaran penyediaan Hab Usahawan iTEKAD di UiTM Sarawak telah disempurnakan oleh Prof Madya Dr Mohammad Isa Mohamadin, Pemangku Rektor UiTM Cawangan Sarawak dan Dato' Mohd Muazzam Mohamed, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Bank Islam pada Karnival Celik Kewangan Sarawak bertempat di Vivacity Megamall, Kuching, Sarawak pada Sabtu, 16 November 2024.

Kerjasama antara Bank Islam dan institusi pengajian tinggi terpilih ini adalah sebahagian daripada inisiatif Pembangunan Komuniti Tempatan. Ia bermatlamat untuk memperkasakan usahawan mikro dengan menyediakan kemahiran yang relevan dan praktikal bagi memastikan daya tahan perniagaan yang dimiliki dalam mendepani cabaran semasa. Di hab ini, usahawan berpeluang mempelajari strategi untuk mengembangkan potensi perniagaan melalui pengurusan kewangan, pemasaran digital dan kemahiran teknikal produk serta membentuk rangkaian dalam kalangan usahawan – aspek penting dalam membina perniagaan yang mampan.

Pada masa sama, pembangunan Hab Usahawan iTEKAD ini juga membuka ruang peningkatan kemahiran dan pengetahuan pensyarah dan pelajar institusi terlibat melalui penyediaan latihan perniagaan selain membimbing pelanggan iTEKAD yang memerlukan dalam komuniti mereka. Ia sekali gus menjadi satu usaha holistik yang memberi manfaat kepada semua pihak terlibat.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Bank Islam, Dato' Mohd Muazzam Mohamed berkata, "Komitmen kami adalah untuk membantu memperkasa komuniti B40 dan asnaf dengan menyediakan sokongan modal dan latihan yang berkesan. Sejak tahun 2021, kami telah

menyalurkan lebih RM30 juta kepada hampir 1,600 usahawan mikro melalui program iTEKAD. Dengan pelancaran Hab Usahawan iTEKAD ini, kami berharap dapat memperkuuh dan mengembangkan perniagaan mereka."

Melalui pelancaran Hab Usahawan iTEKAD di lokasi-lokasi strategik seperti UiTM Sarawak, UMK dan UCB, Bank Islam berharap dapat mendekatkan perkhidmatan dan sokongan kepada usahawan mikro tempatan. Pembukaan hab ini akan menjimatkan masa, kos dan tenaga usahawan iTEKAD Bank Islam untuk mendapatkan sokongan yang diperlukan tanpa perlu ke ibu negara. Langkah ini selaras dengan usaha Bank Islam untuk menggalakkan rangkuman kewangan dan membentuk ekosistem keusahawanan yang lebih dinamik.

Bank Islam menyasarkan penyediaan lima Hab Usahawan iTEKAD di seluruh negara menjelang akhir 2024.

Bagi memperluas rangkuman inisiatif iTEKAD BangKIT, Bank Islam akan memperkenalkan penggunaan Kubah Pengering Solar (SDD) bagi kemudahan komuniti nelayan di Sarawak. Program ini, yang dijalankan dengan kerjasama Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Majlis Islam Sarawak (MIS) dan persatuan nelayan tempatan. Kerjasama strategik ini menyediakan sokongan kewangan serta bimbingan iTEKAD BangKIT bersama geran padanan iTEKAD untuk perolehan SDD.

SDD adalah teknologi pengeringan yang efisien dan berkeupayaan memastikan kualiti produk hasil laut yang lebih baik dan berpotensi mencapai *halalan toyyiban*. Berbanding kaedah pengeringan tradisional, SDD menyediakan proses pengeringan yang lebih cepat, bersih serta mampu mengekalkan nilai nutrisi produk. Penyediaan kemudahan SDD bertujuan untuk meningkatkan kehidupan dan pendapatan nelayan asnaf, sekali gus memperbaiki taraf hidup mereka.

Sebagai peringkat awal pelaksanaan, Bank Islam akan menyasarkan 30 nelayan asnaf di Sarawak, Terengganu dan Kelantan menerima manfaat daripada penyediaan kemudahan sokongan SDD ini.

Mohd Muazzam berkata, "Matlamat utama kami adalah untuk mewujudkan satu ekosistem kukuh yang menyokong pertumbuhan dan kejayaan perniagaan mikro menerusi penyediaan sumber, menggalakkan kolaborasi antara pelbagai pihak berkepentingan dan mempertingkat inovasi serta pembangunan ekonomi."

---

#### **Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad (No. Pendaftaran Syarikat [198301002944(98127-X)])**

Bank Islam adalah institusi perbankan Islam pertama di Malaysia yang disenaraikan di Papan Utama, Bursa Malaysia Berhad. Ditubuhkan pada bulan Julai 1983, Bank Islam mempunyai 135 cawangan dan lebih 900 terminal layan diri di seluruh negara. Sebagai institusi perbankan Islam lengkap dan tulen, Bank Islam menyediakan

penyelesaian perbankan runcit dan kewangan korporat yang mematuhi undang-undang dan prinsip Syariah dengan ketat. Bank Islam komited terhadap kemakmuran lestari dan nilai-nilai ESG dan merupakan peserta rasmi Rangkaian Kompak Global Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Malaysia dan Brunei. Anak-anak syarikat utama Kumpulan Bank Islam, BIMB Investment dan BIMB Securities menawarkan pelbagai perkhidmatan kewangan Islam, termasuk pelaburan dan pembrokeran saham. Untuk maklumat lanjut mengenai produk dan perkhidmatan kumpulan Bank Islam, layari [www.bankislam.com](http://www.bankislam.com).

Sila emel ke Hubungan Media Kumpulan Bank Islam di [media@bankislam.com.my](mailto:media@bankislam.com.my) untuk mendapatkan maklumat tambahan.